

16/03/2000

Media massa Indonesia tidak dapat terima hakikat kehebatan Malaysia

Johari Mohamed

KUNJUNGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia minggu lalu diberi sambutan dingin oleh media massa utama republik berkenaan berbanding negara ini yang memberi liputan besar-besaran terhadap lawatan berkenaan. Ini terbukti sehari menjelang kunjungan Dr Mahathir, tidak ada langsung laporan mengenai kedatangan Dr Mahathir itu menyebabkan sebahagian besar rakyat tidak mengetahuinya.

Hanya sebuah akhbar Inggeris, The Indonesian Observer memuatkan berita kecil di bahagian dalam mengenai kedatangan Dr Mahathir atas undangan Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur itu.

Ini berbeza sekali dengan media massa Malaysia yang membuat analisis dan rencana beberapa hari sebelum kedatangan Dr Mahathir. Rakyat Malaysia juga diberikan cukup maklumat mengenai kunjungan berkenaan.

Kebanyakan rakyat Indonesia di Jakarta hanya mengetahui mengenai kunjungan Dr Mahathir ketika membaca akhbar keesokan harinya kecuali yang sempat menonton televisyen pada sebelah siang atau malam.

Ramai rakyat negara itu mengakui media massa mereka kurang memberi liputan terhadap Dr Mahathir menyebabkan mereka tidak mengetahuinya. Mereka berpendapat, sepatutnya kunjungan itu diberi liputan besar-besaran. Bagi mereka, kunjungan itu penting dalam usaha mengukuhkan persahabatan antara kedua pemimpin.

Malangnya, kunjungan Dr Mahathir itu tidak menjadi berita utama kebanyakan media massa kecuali gambar beliau bersama Gus Dur diletakkan di muka depan. Ucapan atau sidang akhbar bersama Dr Mahathir dan Gus Dur diletakkan sebagai tajuk nombor dua. Berita utama ialah berkaitan dengan isu dalaman Indonesia.

Hanya sebuah akhbar iaitu Jakarta Post yang menjadikan sidang akhbar Dr Mahathir bersama Gus Dur tajuk utama iaitu "Mahathir asks RI to aid investors" dan tajuk kedua ialah "Malaysia supports Indonesian unity, warns Aceh rebels."

Seperti diduga, media massa republik itu tidak membesarkan permintaan Gus Dur yang mahu belajar daripada Malaysia dalam usaha memulihkan ekonomi negara berkenaan.

Gus Dur dalam sidang akhbar itu menamakan dua pengalaman Malaysia yang perlu dipelajari Indonesia iaitu:

- * Kejayaan Malaysia menangani krisis ekonomi tanpa bergantung kepada bantuan badan antarabangsa seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), dan

- * Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selama 20 tahun yang berjaya menentukan pembangunan ekonomi secara lebih saksama.

"Saya akui kami perlu belajar dari Malaysia yang tidak bergantung kepada sesiapa pun dalam usaha memulihkan ekonominya," kata Gus Dur pada sidang akhbar itu.

Permintaan Gus Dur ini mendapat liputan meluas daripada media massa Malaysia tetapi sebaliknya bagi di Indonesia. Akhbar Jakarta Post hanya memuatkan kenyataan Gus Dur itu di perenggan bawah.

Bagaimanapun, akhbar lain tidak langsung menyentuh permintaan Gus Dur itu kerana mungkin tidak mahu menerima hakikat negara jirannya itu lebih maju. Mereka masih sukar menerima hakikat abang meminta pertolongan daripada adik.

Mereka boleh menerima kenyataan Indonesia menerima bantuan negara lain termasuk Singapura tetapi tidak dari Malaysia. Bagi mereka, Malaysia perlu

belajar daripada Indonesia bukan sebaliknya.

Walaupun Gus Dur sendiri dengan rendah hati meminta bantuan Malaysia, media massa negara itu masih sukar menerimanya. Atas sebab itulah, akhbar utama lebih menumpukan kepada isu Aceh daripada perkara lain yang lebih penting termasuk membabitkan pemulihan ekonomi negara sendiri.

Antara akhbar yang memuatkan berita mengenai Aceh ialah Media Indonesia, Kompas, Republika dan The Indonesian Observer dengan tajuk lebih kurang sama iaitu "Malaysia tidak ingin lihat Aceh keluar dari Indonesia". Kerjasama mengenai ekonomi hanya diletakkan di perenggan bawah seolah-olah ia tidak penting.

Akhbar Bisnes Indonesia memuatkan berita lapan perjanjian bersama (MoU) ditandatangani antara kedua negara di muka depan tetapi bukan sebagai tajuk utama. Berita mengenai Aceh dimuatkan di muka surat lain.

Sungguhpun begitu rencana pengarang Media Indonesia wajar diberi pujian kerana mengubat sedikit perasaan luka masyarakat Malaysia di Jakarta. Rencana pengarang itu mengatakan Dr Mahathir memberi contoh seorang pemimpin yang kuat. Ia bukan saja mengenai cara beliau mengendalikan bangsanya tetapi menentang hegemoni Barat terhadap negara membangun di Asia dan Afrika. Malah, beliau menjadi simbol perlawanan dunia Timur, bukan saja Melayu malah terhadap segala bentuk dominasi dan keangkuhan yang dipaksakan oleh negara yang menamakan diri kuasa dunia. Dan, Dr Mahathir akhirnya tampil dengan karektor yang teguh terhadap bangsanya.

Dalam konteks Indonesia-Malaysia, rencana itu mengulas, ia memainkan peranan sangat penting. Ratusan ribu malah jutaan tenaga kerja Indonesia mencari nafkah di Malaysia kerana gaji dan kesempatan lebih baik.

Ramai masyarakat Malaysia tersentuh membaca rencana pengarang akhbar berkenaan yang tidak segan silu memuji kehebatan Dr Mahathir. Sayangnya, akhbar lain tidak berbuat demikian, liputan yang diberikan sekadar mengisi ruangan. Media massa di Indonesia yang baru mengenal kebebasan di zaman reformasi ini lebih banyak terpengaruh dengan isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sebab itulah mereka menyokong gerakan reformasi di Malaysia dan menyamakan Dr Mahathir seperti bekas Presiden Suharto. Jelaslah, wartawan mereka mendapat maklumat salah mengenai Dr Mahathir dan Malaysia.

Malah, ada di kalangan pengarang akhbar negara itu yang menyokong Anwar dan sering mengkritik Dr Mahathir. Oleh itu, tidak hairanlah jika media massa di Indonesia lebih banyak memberikan laporan negatif mengenai Malaysia.

Berita mengenai parti pembangkang sering mendapat liputan meluas di media massa republik itu berbanding kejayaan kerajaan pimpinan Dr Mahathir. Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu tidak menjadi perhatian mereka, sebaliknya kejayaan Pas di Kelantan dan di Terengganu mendapat liputan meluas.

Bagaimanapun, kita bernasib baik berita mengenai ahli perniagaan Malaysia menghabiskan masa bermain golf dan berkaraoke ketika mengikuti rombongan Dr Mahathir ke Jakarta seperti didedahkan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin tidak dilaporkan oleh media massa Indonesia.

Bayangkan jika berita panas ini mendapat liputan besar-besaran media massa republik itu. Siapa yang malu? Berita itu hanya dipetik oleh sebuah stesen radio dan Detik.com tetapi tidak diketahui oleh ramai masyarakat Indonesia.

Sudah sampai masanya Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia memainkan peranan untuk mengubah perspektif media massa Indonesia supaya tidak terus memberikan laporan negatif terhadap Malaysia.

Kita mahu melihat laporan positif mengenai Malaysia diberikan oleh media massa Indonesia. Masalah ini tidak boleh dipandang ringan kerana hubungan kedua-dua negara boleh terjejas jika terus mendapat laporan negatif

daripada media massa Indonesia.

Bak kata rencana pengarang Media Indonesia, mudah-mudahan hubungan Jakarta-Kuala Lumpur yang sempat "kurang enak" kembali erat setelah kehadiran Dr Mahathir.

(END)